

Profil Personaliti Dan Faktor Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Fakulti Pendidikan UTM

Faizah Bte. Abd. Ghani & Mustafa Bin Zakaria
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini mengkaji profil personaliti dan faktor pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar kejuruteraan Fakulti Pendidikan UTM. Kajian ini menggunakan reka bentuk jenis kolerasi berdasarkan kerangka Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973). Sebanyak 40 responden telah dipilih menggunakan persampelan purposif atau bertujuan. Terdapat tiga jenis soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Soal selidik Norlia Melawi (2000) pada bahagian B yang mempunyai nilai *Cronbach alpha* 0.89 digunakan bagi mendapatkan faktor pemilihan kerjaya perguruan responden, manakala soal selidik pada bahagian C mempunyai nilai *Croanbach alpha* 0.85 hingga 0.97 (Amla, 1992). Analisis deskriptif menunjukkan faktor utama dalam pemilihan profesion perguruan adalah faktor minat, diikuti dengan faktor ganjaran dan faktor dorongan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden memperolehi kod tiga huruf SCR yang hampir padan dengan kod tiga huruf Holland iaitu SER. Indeks Kongruen Iachan menunjukkan 52.5% daripada jumlah keseluruhan responden mempunyai tahap padanan yang baik antara darjah kongruen personaliti mereka dengan bidang kursus kejuruteraan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara profil personaliti dengan faktor minat, faktor dorongan dan faktor ganjaran yang dikaji dalam kajian ini.

Katakunci : profil personaliti, faktor pemilihan, profesion perguruan

Pengenalan

Guru adalah ahli masyarakat yang mempunyai perhubungan sosial yang saling berkait dengan masyarakat yang berstatus. Bidang guru merupakan satu kerjaya profesional yang memerlukan latihan ikhtisas untuk mendidik murid-murid di sekolah. Biasanya, sebelum seseorang itu menjadi guru, dia perlu menerima latihan dalam institusi perguruan untuk menjadi seorang guru yang bertauliah. Contohnya seorang guru mesti mempunyai Sijil Perguruan atau Sijil Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebelum dia boleh mengajar di sekolah kerajaan (Mok Soon Sang, 2000).

Setiap orang ingin bekerja mengikut tujuan masing-masing seperti minat, mencari kepuasan diri, memperoleh sumber kewangan, memupuk sumber sokongan sosial, membina identiti serta harga diri dan seterusnya memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara (Siti Noraziah, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa kerjaya seseorang memainkan peranan penting dalam kehidupan dan memberikan impak kepada keadaan persekitaran.

Personaliti yang baik semestinya diterapkan di dalam diri individu itu. Personaliti yang ada pada seorang guru menjamin kecermerlangan pencapaian akademik secara menyeluruh kerana personaliti yang baik dapat meningkatkan motivasi dan pelajar. Hal ini didokong oleh Barrick dan Mount (1991) ; Hough dan Ones (2001) ; Salgado (1997) yang menegaskan personaliti berupaya untuk menjadi peramal yang sah kepada prestasi kerja individu, terutamanya dalam bidang perguruan.

Nilai kerjaya perguruan adalah suatu yang tidak dapat dibandingkan, hanya mereka yang dapat melihat dengan hati terbuka akan mengetahui tingginya tugas pendidikan. Sufean (1993), menyatakan perguruan adalah kerjaya yang bermatlamatkan pembentukan insan dan manusia

yang sempurna agar manusia itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka tentang diri, masyarakat, alam yang mereka diami serta terhadap ke-Esaan yang Maha Pencipta.

Penyataan Masalah

Personaliti yang baik adalah menjadi keutamaan dalam profesionalisme keguruan. Seorang guru perlu mempunyai personaliti yang cemerlang dan terbilang. Meskipun profesion perguruan dipandang negatif, masih terdapat golongan yang memilih profesion perguruan sebagai kerjaya di atas beberapa sebab tertentu. Beberapa kajian terdahulu telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan dan didapati faktor pemilihan ini tidak banyak perbezaan di antara satu negara dengan yang lain walaupun menggunakan sampel yang mempunyai latar belakang yang pelbagai. Contohnya di Malaysia, didapati kerjaya perguruan lebih diminati di kalangan mereka yang tidak berijazah (Abd. Rahim 2002).

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti faktor pemilihan profesion perguruan dan adakah terdapat profil personaliti guru dalam diri pelajar untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya dan mengenalpasti keselarasan profil personaliti dengan faktor pemilihan kerjaya yang diutarakan oleh teori Holland serta mengetahui personaliti yang lebih baik untuk menjadi guru di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal) (SPJ) dan (Kejuruteraan Awam) (SPA), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Objektif Kajian

1. Menenalpasti faktor pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (SPJ) dan (SPA), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
2. Menenalpasti profail personaliti pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (SPJ) dan (SPA), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
3. Menenalpasti sama ada terdapatnya keselarasan atau kekongruenan antara personaliti ini dengan bidang kursus perguruan yang sedang diikuti oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (SPJ) dan (SPA), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
4. Menenalpasti hubungan profail personaliti dengan faktor pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (SPJ) dan (SPA), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui adakah faktor seperti minat, dorongan atau ganjaran menjadi faktor pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar dan adakah pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar sinonim dengan profail personaliti yang ada dalam diri pelajar.

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sumber rujukan oleh Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia memilih kaedah mencari calon-calon guru. Kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan universiti bagi menilai seorang pelajar semasa proses pengambilan pelajar baru dalam kursus pendidikan.

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu Fakulti Pendidikan UTM mengambil langkah yang wajar dalam proses pengambilan dan pemilihan bakal guru untuk melahirkan guru yang berdedikasi dan bertanggungjawab terhadap kerjaya guru. Ciri-ciri guru dan personaliti

yang domain atau sesuai dengan seorang pelajar itu memasuki arena perguruan. Hasil kajian ini juga diharapkan akan menjadi satu sumber rujukan bagi pelajar melalui pihak Pusat Sumber dalam menjalankan kajian mengenai tajuk yang berkaitan dengan tajuk penulisan ini.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah jenis kajian kolerasi. Penyelidikan kolerasi melibatkan pengumpulan data bagi menentukan perkaitan antara dua ataupun lebih pemboleh ubah yang saintifik (Azizi Yahya et. al, 2006). Tujuan sebenar kajian kolerasi adalah bagi menentukan perkaitan antara pemboleh ubah dan juga menggunakan perkaitan itu bagi membuat ramalan pada keputusan kajian yang dilakukan (Azizi Yahya et. al, 2006). Kajian yang akan dijalankan ke atas pelajar kejuruteraan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia berintipatikan kerjaya perguruan dan personaliti antara minat, dorongan atau ganjaran yang menjadi faktor pelajar memilih bidang perguruan.

Dalam kajian ini profil personaliti merupakan pemboleh ubah tidak bersandar, manakala pemboleh ubah bersandar ialah faktor pemilihan profesion perguruan responden. Oleh itu, penyelidik akan melihat hubung kait antara profil personaliti dengan faktor pemilihan profesion perguruan.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian bagi mendapatkan data secara kuantitatif. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian A merupakan bahagian maklumat responden yang menjawab item kajian manakala Bahagian B merupakan set soalan yang terdiri daripada faktor-faktor pelajar memilih bidang perguruan sebagai kerjaya sesuai dengan personaliti yang ada serta Bahagian C merupakan set soalan yang terdiri daripada profil personaliti responden.

Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik ditukar ke dalam bentuk perangkaan dan statistik. Data ini seterusnya diproses dan dianalisis bagi mendapatkan keputusan kajian yang dikehendaki. Keputusan daripada analisis akan dilihat dan dirumuskan bagi menerangkan keadaan sebenar permasalahan penyelidikan.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada 45 orang pelajar kejuruteraan dari Fakulti Pendidikan UTM dan hanya 40 orang pelajar dijadikan sampel dalam kajian ini mengikut jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W. (1970). Responden kajian terdiri daripada pelajar Kejuruteraan Jentera dan Kejuruteraan Awam Fakulti Pendidikan UTM. Sampel-sampel ini tidak mengira umur, bangsa, agama dan jantina. Kaedah persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah pensampelan purposif atau bertujuan. Penyelidik mengambil sampel bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki dalam menjawab persoalan kajian (Babbie, 2008). Pensampelan ini juga digunakan bagi mengumpul maklumat daripada sekumpulan khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian.

Instrumen Kajian

Menurut Mohd. Najib (2003), instrumen ialah alat untuk mengutip data. Dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan kajian dengan menggunakan borang soal selidik. Instrumen ini digunakan kerana soal selidik merupakan kaedah mengumpul data yang paling tepat kerana sampel lebih rela memberikan maklum balas yang benar di samping mengurangkan kesilapan yang diakibatkan oleh catatan penyelidik yang salah (Burns, 2000). Soal selidik juga digunakan kerana ianya lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar (Majid, 1990).

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan objektif-objektif yang ingin dicapai. Soal selidik yang dibuat mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A menyentuh kepada bahagian demografi responden. Bahagian B pula mengenai faktor pemilihan profesion perguruan, manakala Bahagian C melibatkan item-item mengenai profil personaliti.

Bahagian A : Bahagian ini mengandungi 5 soalan bagi mengetahui latar belakang responden berkaitan dengan jantina, bangsa, umur, tahap pencapaian akademik dan CGPA (*Cumulative Grade Point Average*) terbaru yang diperolehi dalam peperiksaan lepas.

Bahagian B : Bahagian ini mengandungi soalan untuk mendapatkan maklumat berkaitan objektif kajian yang dinyatakan dalam Bab 1. Dapatan maklumat yang diperlukan adalah seperti faktor utama pelajar-pelajar ini memilih profesion perguruan iaitu berkaitan dengan minat, dorongan dan ganjaran dalam pemilihan profesion perguruan yang dipilih. Terdapat 30 soalan yang telah disusun secara selang seli yang diambil daripada Norlia Melawi (2000) bagi tiga faktor yang berlainan merujuk kepada persoalan kajian yang telah dibuat.

Terdapat tiga faktor yang dipertimbangkan dalam 30 item soal selidik bagi mengenalpasti sejauhmana faktor-faktor berikut mendorong responden memilih profesion perguruan sebagai kerjaya. Pemilihan kerjaya perguruan ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Pemilihan Profesion Perguruan Sebagai Kerjaya

Faktor Pendorong	Item	Jumlah
1. Minat	1, 2, 3, 4, 13, 14, 15, 22, 23, 24,	10
2. Dorongan	5, 6, 7, 8, 16, 17, 18, 25, 26, 27,	10
3. Ganjaran	9, 10, 11, 12, 19, 20, 21, 28, 29, 30	10

Skala yang digunakan ialah Skala Empat Mata. Skala Empat Mata mengandungi empat nilai skor iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Kaedah pemberian skor bagi setiap item adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 2 : Pengkelasan Skala Empat Mata

Sangat tidak setuju	STS	1
Tidak setuju	TS	2
Setuju	S	3
Sangat setuju	SS	4

Jawapan sangat tidak setuju diberikan skor 1 dan jawapan tidak setuju diberikan skor 2. Responden yang memberikan kedua-dua jawapan seperti di atas diklasifikasikan sebagai tidak setuju bagi sesuatu kenyataan.

Jawapan setuju dan sangat setuju diberikan skor 3 dan 4. Responden yang menjawab salah satu daripada jawapan ini diklasifikasikan sebagai setuju terhadap kenyataan yang diberikan. Berikut ialah jadual 3 yang menunjukkan klasifikasi bagi tindak balas peratusan.

Jadual 3 : Klasifikasi Tindak Balas Peratusan

Tindak balas	Klasifikasi Semula
Sangat tidak setuju	Tidak Setuju
Tidak setuju	
Setuju	Setuju
Sangat setuju	

Bagi tindak balas sangat tidak setuju dan tidak setuju akan diklasifikasikan semula sebagai tidak setuju dan akan diberikan skor 1 dan bagi tindak balas setuju dan sangat setuju akan diklasifikasikan sebagai setuju dan diberikan skor 2. Kaedah klasifikasi semula ini dapat membantu penyelidik dalam menganalisis data yang diambil.

Bahagian C : Self Directed Search – Form Easy (SDS-E) (Versi terjemahan Amla, 1984) :

Bahagian C untuk soal selidik ini pula menggunakan alat ukuran Self Directed Search (SDS)-From Easy yang telah diterjemahkan oleh Amla (1984). Alat ukuran yang digunakan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti minat kerjaya responden berdasarkan trait personaliti dan minat kerjaya dalam bidang perguruan. Kecenderungan ini adalah diukur berdasarkan beberapa jenis personaliti iaitu Realistik, *Investigatif*, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional* berdasarkan kepada tiga pemecahan bahagian utama iaitu bahagian Kesukaan, Kecekapan dan Pekerjaan.

Kajian Rintis

Kajian rintis adalah bertujuan untuk memastikan soalan yang terdapat di dalam borang soal selidik mempunyai kriteria yang baik seperti mudah difahami, isi kandungan yang baik, mengelakkan kekeliruan soalan dari segi tatabahasa, corak soalan, kejelasan soalan dan kebolehpercayaan yang baik pada soalan kajian.

Sebelum kajian sebenar bagi kajian ini dijalankan, kajian rintis telah dibuat kepada 10 orang responden yang dipilih secara rawak bertujuan bagi memperolehi kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik ini. Kaedah yang digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan pada Bahagian B adalah dengan menggunakan Kaedah Ketekalan Dalaman iaitu pengiraan yang dapat dipercayai dan biasanya digunakan serta dicadangkan oleh Kuder dan Richardson (1987). Kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan dan ketepatan instrumen pengukuran (Mohd. Majid Konting, 1994).

Penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada responden dan mengumpul semula borang soal selidik tersebut. Data yang diperolehi dari kajian rintis ini dianalisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 12.0 for Windows*. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi hasil daripada analisis kajian rintis ini melalui nilai *Cronbach alpha* ialah 0.894 dan boleh diterimapakai dalam kajian ini. Beberapa soalan bagi item-item ini diambil daripada Norlia Melawi (2000) dan telah diubah dari segi ejaan dan tatabahasa supaya dapat menghasilkan soalan yang benar-benar boleh difahami oleh responden.

Bagi kesahan dan kebolehpercayaan pada Bahagian C adalah alat ukuran SDS-Form Easy yang digunakan dalam kajian ini merupakan versi terjemahan Amla dengan menggunakan kaedah *back translation*. Amla (1992) telah mengumpulkan data dari populasi pelajar-pelajar baru Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1987/1988 seramai 2,231 orang dengan menggunakan

kaedah *Counterbalance* bagi mendapatkan kesahan ujian SDS yang telah diterjemahkan. Nilai kebolehpercayaannya adalah tinggi iaitu berada dalam julat 0.85 hingga 0.97 (Amla, 1992)

Analisis Data

Jadual 4 : Bilangan Item Mengikut Subskala SDS-Form Easy (Versi Terjemahan Amla)

Bil.	Dimensi	Bilangan Item						Jumlah Item
		R	I	A	S	E	C	
1	Kesukaan	212	185	187	281	214	220	1299
2	Kecekapan	301	230	162	377	284	246	1600
3	Pekerjaan	219	231	154	279	232	292	1407
Jumlah		732	646	503	937	730	758	4306

Jadual 4 di atas menunjukkan jumlah bilangan item bagi profil personaliti responden mengikut dimensi kesukaan, kecekapan dan pekerjaan. Responden yang menjawab 'YA' bagi bilangan item mengikut dimensi profil personaliti telah direkodkan seperti dalam jadual di atas.

Bagi item untuk dimensi kesukaan didapati 212 responden menjawab 'YA' bagi personaliti Realistik (R), 185 Investigatif (I), 187 Artistik (A), 281 Sosial (S), 214 *Enterprising* (E) dan 220 *Conventional* (C).

Bagi item untuk dimensi kecekapan pula adalah 301 Realistik (R), 230 Investigatif (I), 162 Artistik (A), 377 Sosial (S), 284 *Enterprising* (E) dan 246 *Conventional* (C).

Manakala, bagi item dimensi pekerjaan adalah 219 Realistik (R), 230 Investigatif (I), 154 Artistik (A), 279 Sosial (S), 232 *Enterprising* (E) dan 292 *Conventional* (C).

Jadual 5 : Skor Min Mengikut Subskala SDS-Form Easy (Versi Terjemahan Amla)

Bil.	Dimensi	Skor Min						Kod
		R	I	A	S	E	C	
1	Kesukaan	5.30	4.63	4.68	7.03	5.35	5.50	SCE
2	Kecekapan	7.53	5.75	4.05	9.43	7.10	6.15	SRE
3	Pekerjaan	5.48	5.78	3.85	6.98	5.80	7.30	CSE
Purata Nilai Min		6.10	5.38	4.19	7.81	6.08	6.32	SCR

Jadual 5 di atas adalah nilai skor min bagi mendapatkan kod tiga huruf profil personaliti pelajar kejuruteraan Fakulti Pendidikan.

Didapati, nilai min tertinggi bagi dimensi kesukaan adalah sebanyak 7.03 (S) diikuti 5.50 (C) dan seterusnya 5.35 (E). Ini bermakna kod tiga huruf bagi dimensi kesukaan yang diperolehi oleh penyelidik adalah SCE. Bagi dimensi kecekapan didapati nilai min tertinggi dimulai dengan 9.43 (S) diikuti dengan 7.53 (R) dan seterusnya 7.10 (E). Kod tiga huruf bagi dimensi kecekapan yang diperolehi oleh penyelidik adalah SRE. Manakala, bagi dimensi pekerjaan nilai min tertinggi adalah 7.30 (C), 6.98 (S) dan 5.80 (E). Ini bermakna kod tiga huruf yang diperolehi oleh penyelidik bagi dimensi pekerjaan adalah CSE.

Secara keseluruhannya, kod tiga huruf mengikut purata nilai min yang diperolehi oleh penyelidik adalah SCR iaitu nilai tertinggi bagi purata nilai min ialah S (7.81) diikuti dengan C (6.32) seterusnya R (6.10).

Jadual 6 : Analisis Kod Tiga Huruf Penyelidik Berbanding Kod Tiga Huruf Holland

Bil	Responden	Kod Penyelidik	Kod Holland	Pekerjaan Terhampir
1	SPJ/A	SCR	SER	Hampir Padan

Jadual 6 menunjukkan analisis kod tiga huruf yang diperolehi oleh penyelidik berbanding dengan kod tiga huruf Holland mengikut responden yang dikaji. Bagi keseluruhan responden pelajar kejuruteraan Fakulti Pendidikan kod penyelidik adalah SCR. Manakala, kod tiga huruf Holland yang diperolehi dari *The Occupations Finder* (Holland, 1989) ialah SER. Pekerjaan yang terhampir yang dirujuk adalah Guru Teknikal.

Perbincangan

Melalui dapatan kajian yang telah diperolehi, faktor minat merupakan faktor utama dalam faktor pemilihan profesion perguruan di mana responden menunjukkan minat kepada mata pelajaran teknikal yang menjadi pilihan tertinggi iaitu 100% responden bersetuju bahawa minat mendalam terhadap mata pelajaran teknikal menyebabkan responden memilih profesion perguruan sebagai kerjaya mereka. Responden mempunyai sebab tertentu memilih bidang perguruan sebagai kerjaya antaranya mungkin disebabkan responden ingin mempelajari mata pelajaran yang berkenaan dengan bidang teknikal dengan lebih mendalam.

Selain itu, responden mempunyai sifat menyampaikan ilmu yang ada dalam diri untuk disampaikan kepada yang memerlukan seperti pelajar. Ilmu adalah suatu anugerah yang diberi dan perlu dicari serta disampaikan tanpa mengira penat lelah mengikut keperluan manusia. Dapatan ini disokong dengan kenyataan yang diberikan oleh Sufean (1993), menyatakan perguruan adalah kerjaya yang bermatlamatkan pembentukan insan dan manusia yang sempurna agar manusia itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka tentang diri, masyarakat, alam yang mereka diami serta terhadap ke-Esaan yang Maha Pencipta.

Responden memilih profesion perguruan adalah atas kehendak dan kemahuan diri mereka sendiri. Dapatan ini diperolehi daripada item 15 di mana responden tidak bersetuju dengan pernyataan memilih kerjaya perguruan atas kemahuan ibu bapa mereka. Hal ini kerana pelajar sememangnya berminat dalam arena perguruan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dan ingin mendidik anak bangsa supaya terus maju ke hadapan bagi menyahut seruan kerajaan dan negara.

Daripada dapatan kajian yang diperolehi, faktor dorongan menjadi faktor ketiga responden memilih profesion perguruan secara keseluruhannya. Daripada analisis item yang telah dibuat, penyelidik mendapati bahawa responden lebih mengutamakan kemahuan keluarga kerana keluarga mereka telah menaruh harapan yang tinggi untuk mereka memilih profesion perguruan ini. Ibu bapa juga adalah pemberi dorongan dan nasihat untuk responden memilih profesion perguruan. Dapatan kajian ini bertekalan dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Quek (1991) dalam kajiannya iaitu faktor pengaruh ibu bapa memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya respondennya. Kajian ini diperkuatkan lagi dengan pendapat Floud, Halsey dan Martin (1976) yang menyatakan peranan ibu bapa merupakan salah satu faktor yang dapat menunjukkan perbezaan yang jelas terhadap pencapaian akademik pelajar.

Analisis item kajian mendapati 90% responden bersetuju bahawa pemilihan profesion perguruan mesti dipersetujui oleh ibu bapa mereka. Ini membuktikan, ibu bapa memainkan peranan penting dalam apa juga keputusan yang ingin diambil oleh responden kajian mahupun pelajar lain dalam institusi pendidikan di Malaysia. Dapatan kajian ini juga adalah selaras dengan

kajian yang dijalankan oleh Mat Khailil (2000) mengenai pemilihan kerjaya di kalangan remaja Melayu daerah Kinta. Dalam kajian Mat Khalil, beliau mendapati pengaruh rakan sebaya tidak banyak memberi kesan dalam membuat pilihan kerjaya. Sifat dan budaya Melayu yang masih mendengar dan taat kepada orang tua membendung pengaruh rakan sebaya termasuklah dalam soal pemilihan kerjaya. Dapatan kajian ini diperolehi mungkin disebabkan responden beranggapan kehendak keluarga adalah amat penting bagi mereka dalam segala hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

Melalui dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa faktor ganjaran menjadi faktor kedua responden memilih profesion perguruan secara keseluruhannya. Berdasarkan analisis dapatan kajian, penyelidik mendapati ramai responden yang bersetuju bahawa pemilihan profesion perguruan dipengaruhi oleh cuti yang panjang dan terdapat cuti khas dalam kerjaya perguruan. Cuti yang panjang membolehkan responden ini meluangkan masa dengan keluarga dengan lebih kerap. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Norlia Melawi (2000) yang mendapati 73% responden bersetuju bahawa cuti sebagai faktor pemilihan kerjaya perguruan dan faktor yang melibatkan aspek cuti adalah menjadi keutamaan responden memilih profesion perguruan. Dapatan kajian Noran Fauziah (1998) juga mendapati 60% responden bersetuju mereka sukakan kerja yang mempunyai cuti yang banyak. Dalam bidang perguruan, cuti panjang adalah pada penghujung tahun untuk sekolah memulakan dan menyusun semula sesi baru sekolah akan datang. Cuti panjang juga terdapat pada pertengahan tahun persekolahan dan ini mempengaruhi ramai responden memilih profesion perguruan disebabkan cuti yang panjang. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian yang dibuat oleh Simnathiti a/l Applainaidu (1996), bahawa di Malaysia, golongan guru selalu merancang segala perkara yang berkaitan keluarga seperti perkahwinan sanak-saudara semasa cuti persekolahan.

Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden memilih profesion perguruan bukan kerana gaji yang lumayan. Ini mungkin kerana dengan kebajikan sedia ada, mereka boleh memberikan sepenuh hati terhadap pengajaran dan dapat menyampaikan ilmu dengan hati yang ikhlas. Ganjaran dari segi gaji tidak memberi impak dalam pemilihan profesion perguruan. Dapatan analisis kajian ini adalah berpadanan dengan dapatan kajian Norlia Melawi (2000) yang mendapati responden menyatakan bahawa gaji yang akan mereka perolehi bila menjadi guru bukanlah faktor yang mendorong pemilihan mereka terhadap kerjaya tersebut. Gaji yang tinggi sememangnya dapat diperolehi daripada kerjaya lain yang diceburi, tetapi jaminan masa hadapan dan kebajikan pekerja yang diterapkan dalam profesion perguruan menguatkan lagi faktor pemilihan berlandaskan faktor ganjaran responden memilih profesion perguruan.

Rujukan

- Azman Anuar (1995). *Guru – Cabaran Mencengkam, Martabat Dipersoal. Mastika, 8-11*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.
- Babbie, E. (2008). *Basics Of Social Research*. Thomson Wadsworth. Fourth Edition. Chapman University.
- Dictionary Of Education. (1973). New York: McGraw-Hill.
- Ee Ah Meng (1988). *Pendidikan Di Bilik Darjah*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng. (1990). *Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Berhad.
- Goodlad, J.I. (1984). *A Place Called School*. New York: McGraw-Hill. ED 236 137.
- Hamidi Jaafar (1997). *Persepsi Pelajar-Pelajar Diploma Pendidikan Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Perguruan Sebagai Satu Profesion – Satu Tinjauan*. UTM: Tesis Sarjana Muda

- Isaacson and Lee E. (2000). *Career Information, Career Counseling, and Career Development*.
7th Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Kamus Dewan (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khashiatul-Fauziah Binti Hamzah (2003). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Remaja Melayu Di Daerah Batu Pahat*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Lortie, D.C.(1975). *School Teacher: A Sociological Study*. Chicago: Universiti Of Chicago Press.
- Mat Khailil bin Muhammad Nor (2000). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya di Kalangan Remaja Melayu di Daerah Kinta*. UTM: Tesis Sarjana Muda
- Norlia Melawi (2000). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Memilih Kerjaya Perguruan: Satu Tinjauan Awal*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Quek A.H. (1991). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Enam*. Kajian Ilmiah Diploma Kaunseling yang tidak diterbitkan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rowntree, D. (1981). *“Statistics Without Tears : A Primer for Non-Mathematicians*. Penguin.
- Sidek Mohd Noah (2003). *Perkembangan Teori Dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UPM).
- Tuckman, B.W. (1978). *Conducting Educational Research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc
- Vallentine C.W. (1934). *An Equiry As To The Choise of The Teaching Profession By University Students*. British Journal Of Education Psychology, 4, 237-259.
- Wan Mohd Zahid Noordin (1998). *Sedutan Ucapan Sempena Majlsi Perasmian Seminar Pendidikan. Anjuran JPN Johor*. UTM.
- Zuria Mahmud,Amia Salleh,Mohd Salleh Amat dan Ruslin Amir (1998). *Perkembangan Sistem Kerjaya Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia*. Jurnal Pendidikan, 08.